

STPM Kertas 1 2019:

Soalan 5 Jawapan yang dicadangkan

(a) Tiga contoh prinsip kawalan dalaman dan jelaskan setiap satunya dalam aspek pengurusan aset harta tanah dan loji, dan peralatan:

1. Kawalan fizikal

Semua aset harta tanah, loji dan peralatan mestilah disimpan di tempat yang selamat supaya tidak dicuri atau disalahgunakan.

2. Penetapan tanggung jawab

Seorang individu mestilah ditugaskan untuk merekod semua kos perolehan aset, belanja susut nilai dan pelupusan aset seperti dalam daftar aset tetap supaya rekod perakaunan berkaitan dengan aset tetap ini adalah lengkap.

3. Pendokumentasian

Setiap perolehan, pelarasan dan pelupusan aset tetap perlu disokong dengan dokumen-dokumen yang relevan sebagai bukti bahawa urus niaga atau peristiwa telah berlaku.

(b) Prinsip kawalan dalaman yang berkaitan serta prinsip itu dipatuhi atau tidak dipatuhi:

Bil. pernyataan	Prinsip kawalan dalaman	Mematuhi / Tidak mematuhi
(1)	Kawalan fizikal	Mematuhi
(2)	Penetapan tanggung jawab	Tidak mematuhi
(3)	Verifikasi dalaman	Mematuhi
(4)	Pengasingan tugas	Tidak mematuhi
(5)	Pendokumentasian	Mematuhi
(6)	Kawalan fizikal	Tidak mematuhi

(c) (i) Catatan jurnal:

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2017		RM	RM
Nov 30	Caj bank	50	
	Akaun belum terima (Kesilapan)	270	
	Bank	480	
	Akaun belum terima (Kesilapan)		800
	(Merekod pembetulan kesilapan dan catatan kemas kini buku tunai)		

(ii) Baki tunai terlaras:

	RM
Baki debit sebelum terlaras	10,050
(+) Pelarasan	480
Baki debit bank terlaras	10,530

(iii) Penyediaan penyata penyesuaian bank:

Perniagaan Aman Bahagia		
Penyata penyesuaian bank pada 30 November 2017		
	RM	RM
Baki debit di Buku Tunai		10,530
Tambah: Cek belum dikemukakan		
Perniagaan Chin (1123)	1,670	
Syarikat Excel Sdn Bhd (1126)	1,500	
Tenaga Nasional Berhad (1127)	200	3,370
		13,900
Tolak: Deposit belum dikreditkan		
En. Karim	2,000	
Perniagaan Pelaris	700	2,700
Baki kredit di Penyata Bank		11,200